

5) PENEROKA JALAN PAPAN, PANDAMARAN

Adun : Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2026)

Sub soalan :

- a) Sila nyatakan senarai nama semua peneroka Jalan Papan, Pandamaran yang telah menerima pampasan mengikut kategori:
- i) tunai pampasan
 - ii) rumah kos rendah
 - iii) jumlah yang masih belum menerima sebarang pampasan

SUMBER DARIPADA MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG (MBDK)

Maklumat peneroka Jalan Papan, Pandamaran yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 7/2018 pada 7 Mac 2018 adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	BILANGAN
1.	Tawaran rumah teres 20' x 70' dengan tawaran harga RM99,000.00 selaras dengan keputusan MMKN Bil. 28/2011 bertarikh 24 Ogos 2011	123
2.	Tawaran Rumah Selangorku Jenis B dengan keluasan 800kp pada tawaran harga RM99,000.00 dengan dikecualikan daripada syarat-syarat Rumah Selangorku	58
3.	Keluarga yang masih mempunyai struktur di tapak (Jalan Papan) sekiranya layak dengan syarat Rumah Selangorku ditawarkan rumah kos sederhana dengan harga pasaran atau Rumah Selangorku Jenis B dengan keluasan 800kp dan tawaran harga RM99,000.00	30

Hasil perbincangan bersama diantara YB Leong Tuck Chee (ADUN N47 Pandamaran), Persatuan Penduduk Jalan Papan dan wakil daripada MBDK pada 10.2.2026 dan 13.3.2026 adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	BILANGAN
1.	Tunai pampasan	18
2.	Rumah kos rendah	19
3.	Jumlah yang masih belum menerima sebarang pampasan.	174

Walau bagaimanapun, pengesahan akhir perlu dibuat dengan pihak pemaju Melati Ehsan.